

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI
MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]

SOALAN NO. 190

Y.B. DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah Bantuan Sara Hidup (BSH) yang diperuntukkan bagi membantu golongan sasaran. Mohon penjelasan tentang prosedur baharu penyaluran bantuan berkenaan sehingga menyebabkan pembayaran gagal dikreditkan kepada 300,000 penerima khususnya menjelang perayaan Aidilfitri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat. BSH 2019 akan mengutamakan keluarga dengan menyediakan kadar tambahan untuk setiap orang anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang, kecuali anak OKU yang tidak dihadkan umur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran fasa kedua BSH 2019 melibatkan peruntukan sebanyak RM1.42 bilion dan memanfaatkan hampir 3.6 juta penerima BSH. Walau bagaimanapun, bagi 0.3 juta penerima BSH 2019 yang telah lulus, penyaluran bayaran fasa kedua tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun bank mereka disebabkan bayaran gagal dikreditkan setelah nombor akaun bank yang didaftarkan tidak tepat. Bagi BSH 2019, pembayaran bagi penerima berumur 59 tahun ke bawah adalah melalui akaun bank isteri. Perkara ini telah diumumkan kepada setiap penerima BSH melalui surat makluman dan turut dipaparkan di dalam portal BSH <https://bsh.hasil.gov.my> untuk makluman umum. Namun demikian, sebilangan penerima BSH 2019 telah mendaftarkan nombor akaun bank suami dan ini mengagalkan pengkreditan akaun kerana nombor akaun tersebut bukan di bawah nama isteri. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan penerima yang gagal dikreditkan menerima pembayaran berkenaan, Bank Simpanan Nasional (BSN) telah mewujudkan akaun bank baharu secara automatik untuk penerima yang berkenaan. Maklumat akaun bank baharu boleh diketahui melalui surat makluman yang akan dikeluarkan dan dengan melayari portal BSH. Pembayaran bagi golongan tersebut telah dikreditkan terus ke akaun berkenaan mulai 14 Jun 2019.

BSN juga telah mempermudah proses yang terlibat di dalam pemberian BSH 2019 dengan membuka kaunter dan menempatkan kakitangan tambahan bagi memudahkan semua pihak yang membuat urusan sepanjang pembayaran BSH

NO SOALAN : 190

2019 di samping melanjutkan operasi harian BSN kepada hujung minggu iaitu Sabtu dan Ahad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah penerima BSH, khususnya jika terdapat kesulitan dalam pemberian BSH 2019. Kerajaan juga akan sentiasa memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasaran yang ditetapkan terutamanya golongan B40.